

Al-Mujahadat dalam ilmu tasawuf

RUANGAN kali ini akan mula membicarakan secara lebih khusus kepada kandungan ilmu tasawuf iaitu sebagai proses untuk memperkenalnya secara lebih mendalam. Maka, penggunaan istilah-istilah khusus tidak dapat dielakkan kerana disiplin ilmu tasawuf dan tarekat sememangnya banyak menggunakan istilah yang perlu difahami dalam bentuk dan konteksnya yang tersendiri sekiranya ilmu tersebut hendak difahami dengan baik.

Kesilapan memahami istilah-istilah khusus tersebut boleh menyebabkan berlakunya kekeliruan dan kadangkalah kadang tohmahan yang tidak wajar kepada ilmu penting ini yang datang daripada rahim peradaban Islam.

Perbincangan ini dimulai dengan memperkenalkan dua istilah utama, *al-mujahadat* dan *al-madhaqat* yang merupakan pengikat kepada suatu rangkuman keseluruhan terhadap apa yang perlu ditekuni, dialami dan dihayati sepanjang perjalanan kehidupan seseorang sufi.

Dalam konteks ini, kehidupan seseorang yang terbabit dalam dunia kesufian terbahagi kepada dua bahagian atau bentuk:

1. Kehidupan *mujahadah* (*hayat al-Mujahadah*).
2. Kehidupan *mushahahadah* (*hayat al-Mushahahadah*).

Justeru, dalam keseluruhan perjalanan kehidupan, golongan sufi membezakan antara bentuk kehidupan yang melibatkan usaha gigih dan kerja keras kezuhudan, *riyadat* dan ibadat pada satu pihak dengan bentuk kehidupan yang dihayati

bicara tasawuf

Oleh PROFESOR DATUK ZAKARIA STAPA
Penyandang Kursi Sheikh Abdullah Fahim, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia



bersama pencapaian pelbagai pengalaman *kasyaf* pelbagai makna, *asrar*, petanda serta *mawajid* yang juga dikenali sebagai pencapaian pelbagai *al-Madhaqat*.

Dua bahagian atau bentuk kehidupan ini, secara mudahnya boleh diungkapkan sebagai peringkat wasilah pada satu pihak, dan peringkat matlamat pada pihak yang lain.

Oleh itu, *al-Mujahadat* dan *al-Madhaqat* merupakan dua bentuk kehidupan berbeza yang perlu ditempuh secara gigih, dialami dan dihayati oleh seseorang yang berjaya dalam kehidupan kesufian.

Kedua-dua bentuk kehidupan inilah yang mendefinisikan dan menjadi isi kandungan kepada keseluruhan penghayatan ilmu tasawuf. Justeru, dalam lain perkataan, keseluruhan kehidupan bertasawuf adalah perkara-perkara yang terangkum dalam dua istilah utama ini: *al-Mujahadat* dan *al-Madhaqat*.

PENGORBANAN DEKATI ALLAH

Dalam tulisan ini, fokus akan diberikan terlebih dahulu kepada aspek *al-Mujahadat* dan selepas



JENAYAH berzina dan membuang bayi tidak berdosa terhasil daripada syahwat dan *al-hawa* yang dipandu oleh nafsu haiwan dalam diri manusia. - GAMBAR HIASAN

itu barulah beralih kepada *al-Madhaqat*.

Al-Mujahadat adalah kata jamak kepada *al-mujahadah* dan dalam keadaan asalnya adalah sama dengan istilah *al-Jihad*, iaitu pengorbanan segala sesuatu demi kerana Allah SWT serta memerangi musuh-Nya.

Namun *al-Mujahadah* dalam penggunaan ilmu tasawuf dirujuk secara khusus kepada peperangan terhadap nafsu dan penghindaran daripada segala tuntutan beraskan keyakinan bahawa ia merupakan musuh utama yang berfungsi sebagai agen menjerumuskan manusia ke arah kehancuran dan menjauhkan mereka daripada tuntutan-tuntutan agama.

Oleh itu, *al-Mujahadah* dalam konteks ilmu tasawuf merupakan suatu bentuk pengalaman kemanusiaan manusia dalam usaha gigih memerangi nafsu.

Nafsu bagi istilah kesufian merujuk kepada diri kehaiwanan manusia yang merupakan pusat kepada syahwat dan *al-hawa* serta tempat terbitnya segala bentuk kejahatan dan dosa dalam diri manusia. Menurut analisis dan pengalaman golongan sufi, syahwat dan *al-hawa* adalah tabiat buruk yang terdapat dalam nafsu manusia.

Syahwat:

- Merujuk kepada tuntutan untuk mendapatkan kelazatan.
- Ia muncul pada setiap sudut badan manusia yang sentiasa cuba merealisasikan pelbagai tujuannya dan pancaindera manusia ditagih untuk memberikan khidmat merealisasikan tuntutan tersebut.
- Tanpa mengira halal haram dan betul salahnya, syahwat perut adalah makan

dan minum, syahwat lidah adalah bercakap, syahwat mulut merasa (mengecap), syahwat tubuh bersentuhan, syahwat akal berfikir dan begitulah seterusnya.

Al-Hawa:

- Merujuk kepada kecenderungan tabii yang menguasai nafsu dan segala perbuatannya dalam kerangka merealisasikan kegemaran nafsu tersebut.
- Bertentangan dengan akal murni manusia. Pada asasnya, diri manusia bagaikan medan tempur antara akal murni dan *al-hawa*.
- Perbuatan manusia yang muncul daripada *al-hawa* dan direstui pula oleh nafsunya adalah berada jauh daripada Allah SWT dan dekat dengan syaitan.
- Perangai syaitan adalah aspek kehaiwanan diri manusia dan sebab itulah golongan sufi sentiasa berusaha sungguh-sungguh untuk melepaskan diri daripadanya.

Kejahatan dan dosa yang berpusat pada nafsu pada umumnya, terbahagi kepada dua iaitu pelbagai perlakuan maksiat; dan akhlak buruk serta sifat-sifat keji, seumpama *ujub*, hasad, marah, takbur, riyak dan lain-lain bentuk akhlak buruk yang pada keseluruhannya ditolak oleh syarak serta akal murni.

Kepakaran dan pengetahuan mendalam manusia mengenai nafsu diri mereka bersama dengan segala sesuatu yang berkaitan dengannya adalah amat penting untuk menjamin kejayaan usaha *mujahadah* yang mereka jalani.

Dan sesungguhnya aspek-aspek ini merupakan satu psikologi rohaniah yang amat mendalam dan penting dalam disiplin ilmu tasawuf.

GLOSARI RINGKAS:

- *al-Madhaqat*: Pelbagai rasa kerohanian hasil pemberian daripada Allah kepada para hamba yang menekuni jalan-Nya.
- *Mushahahadah*: Penyaksian dengan mata hati terhadap perkara yang berada dalam alam tinggi, iaitu satu bentuk pemberian daripada Allah.
- *Riyadat*: Pelbagai latihan, iaitu antara jalan untuk membersihkan jiwa atau hati dengan maksud untuk mendekati Allah.
- *Kasyaf*: Keadaan terdedahnya makna-makna keghaiban dan perihal hakiki yang berada di sebalik hijab.
- *Asrar*: Pelbagai rahsia.
- *Isyarat*: Kiasan atau ilmu tentang makna batin yang mendalam di sebalik makna biasa yang terdapat pada ayat al-Quran atau Hadis.
- *Mawajid*: Pelbagai perihal ghaib yang ditemukan oleh hati menerusi *mushahahadah*.
- *Ujub*: Perasaan hairan dan bangga terhadap kelebihan yang terdapat pada diri sendiri.